

UPM juara pantun

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) muncul juara Pesta Pantun 2007 antara institut pengajian tinggi awam (IPTA) menewaskan pasukan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), di Dewan Pusat Aktiviti dan Kebudayaan, UIAM, semalam.

Pertandingan bertemakan Menjunjung Wadah Warisan Melayu yang diadakan selama tiga hari bermula 27 Julai lalu disertai 13 IPTA bertujuan mananamkan minat di kalangan mahasiswa kepada warisan puisi Melayu.

Dengan kejayaan itu, UPM yang diwakili Nurain Mohd Kamal, Mohd Noor Fazli Mamat, Radzuwan Abd Rashid dan Jefrizain Nordin berjaya mengekalkan kejuaraan tahun lalu dan membawa pulang hadiah wang tunai RM1,000, piala pusingan serta sijil.

Radzuwan Abd Rashid turut membanggakan UPM apabila dipilih sebagai pemantuan terbaik peringkat akhir dan menerima hadiah wang tunai RM200.

Naib johan UIAM menerima hadiah wang tunai RM750 serta sijil.

Tempat ketiga dimenangi Universiti Sains Malaysia (USM) dan keempat Universiti Teknikal Melaka.

Majlis penutupan dan penyampaian hadiah dilakukan Pengarah, Bahagian Pembangunan Pelajar UIAM, Dr Akmal Khuzaify Abd Rahman.

Pertandingan itu anjuran UIAM, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia (KeKKWa), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (Makum).